

**Wanita Perlu Zahirkan Sokongan Kepada Kerajaan - Rosmah
Bernama
25 April, 2013**

PEKAN, 25 April (Bernama) -- Sudah tiba masanya golongan wanita menzahirkan sokongan kepada usaha-usaha kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam perjuangan membela rakyat, kata isteri perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Beliau berkata kerajaan BN sentiasa memastikan agar semua lapisan masyarakat di negara ini mendapat limpahan manfaat ekonomi serta kemudahan yang sememangnya difokuskan untuk rakyat.

Katanya, setiap individu yang kasihkan negaranya, tidak kira bangsa atau kedudukan perlu berganding bahu, bergerak seiring bersama Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dengan satu harapan membentuk satu cita untuk Malaysia.

"BN sudah 55 tahun memerintah. Penilaian terletak kepada kita kerana saya pasti BN akan meneruskan agenda 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' demi kesejahteraan rakyat.

"Hakikat ini tidak dapat disangkal lagi dengan pencapaian yang cukup baik dalam membela nasib rakyat," katanya dalam ucapan pada Majlis Ramah Mesra Wanita DRB-HICOM dan Penjawat Awam bersama Datin Seri Rosmah Mansor di sini, Khamis.

Majlis yang diadakan di perkarangan Seri Kenangan itu dihadiri kira-kira 600 tetamu terdiri daripada 400 pekerja wanita DRB-HICOM dan 200 penjawat awam di kawasan Parlimen Pekan.

Rosmah berkata golongan wanita kini mempunyai suara yang sama di dalam proses membuat keputusan dengan pelbagai inisiatif telah dilaksanakan kerajaan BN.

Bagi mencapai hasrat itu, manifesto BN yang dibentangkan baru-baru ini telah menggariskan beberapa usaha antaranya menggalakkan kesamaan gender untuk memaksimumkan potensi rakyat tanpa mengira jantina dalam semua bidang, mewujudkan lebih banyak insentif untuk wanita bekerja dari rumah dan menyediakan lebih banyak peluang perniagaan.

Dalam pada itu, Rosmah menasihati golongan wanita agar berhati-hati dengan agenda politik pembangkang yang menyebarkan fitnah serta tohmahan terhadap BN dan Perdana Menteri.

"Mereka ingin membentuk kerajaan, tetapi tiada kesatuan serta kerjasama yang terjalin sesama mereka. Apa yang mereka tahu hanyalah menyebarkan dakyah tidak berasas kepada rakyat tentang kerajaan," katanya.

Pada majlis itu, Rosmah turut menyampaikan sumbangan kepada 35 ibu tunggal warga DRB-HICOM bagi meringankan beban golongan tersebut.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945204>

